

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN DR. KELVIN YII LEE WUEN (BANDAR
KUCHING)**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah untuk menangani perjudian 4D haram yang semakin berleluasa di Kuching dan juga seluruh Sarawak yang bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada negara dari aspek cukai pendapatan tetapi juga meningkatkan masalah sosial terutamanya di kalangan golongan muda.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak PDRM untuk memastikan aktiviti perjudian haram ini dapat dibendung dengan lebih berkesan:

- a) menjalankan pemeriksaan dan serbuan melalui Op Dadu di premis-premis judi haram dan tindakan diambil ke atas penganjur, penulis dan pembeli loteri haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1957 serta undang-undang pencegahan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA);
- b) menjalankan risikan secara berterusan dan maklumat juga diperolehi hasil aduan dari orang awam melalui talian hotline ke bilik gerakan khas dadu.
- c) menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi seperti SEB (Sarawak Energy Berhad) bagi tujuan pemotongan bekalan elektrik di premis-premis yang telah dikenalpasti menjalankan kegiatan ini.
- d) mengadakan sesi libat urus di antara pihak JSJ IPK Sarawak dan wakil- wakil agen dari syarikat nombor ramalan berlesen dalam usaha mencari inisiatif dalam penyaluran maklumat perjudian loteri awam tanpa lesen yang beroperasi berhampiran premis nombor ramalan berlesen; dan
- e) membuat hebahan melalui media masa bertujuan memberi maklumat kepada masyarakat dan keluarga tentang kesan negatif dan hukuman yang akan diterima sekiranya terlibat di dalam aktiviti ini.

Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri juga turut dilibatkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian dalam talian.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING]

SOALAN NO. 198

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dalam jadual kadar kematian di hospital seluruh Malaysia dari Oktober 2019-Julai 2020, kategorikan mengikut diagnosis, dan perbandingan kadar peningkatan sejak tahun 2015 untuk tempoh yang sama dan jika ada pertambahan, adakah ia disebabkan kes COVID-19 yang mungkin tidak dikesan sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Statistik kematian yang disediakan adalah berdasarkan rekod pesakit yang dimasukkan ke hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kemudiannya meninggal di hospital KKM semasa dalam tempoh rawatan.
2. Diagnosis/klasifikasi penyakit adalah berdasarkan Bab/*Chapter* dalam *International Classification of Diseases and Related Health Problems 10th Revision, 2010 Edition (ICD-10)* oleh WHO. Penyebab kematian adalah berdasarkan *underlying cause of death* sepertimana garis panduan yang disarankan oleh pihak WHO dalam menentukan penyebab kematian.
3. Jumlah kematian yang direkodkan di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di seluruh Malaysia bagi tempoh Oktober 2019 hingga Julai 2020 adalah sebanyak 36,687 kematian dengan

SOALAN NO. 198

kadar kematian bagi setiap 100,000 penduduk adalah sebanyak 108.6 kematian. Jumlah kematian yang tertinggi adalah bagi penyakit sistem peredaran darah, diikuti dengan penyakit sistem pernafasan dan penyakit berjangkit. Walau bagaimanapun, jumlah dan kadar kematian tersebut merupakan angka permulaan memandangkan pihak hospital masih lagi mengemaskini rekod kematian di hospital masing-masing terutamanya bagi data tahun 2020.

4. Bagi pengiraan kadar kematian, data penduduk yang digunakan adalah data rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Berdasarkan data yang sedia ada, data penduduk tahun 2016 hingga 2019 merujuk kepada Anggaran Penduduk Semasa, manakala data tahun 2020 merujuk kepada Unjuran Penduduk.

5. Perbandingan jumlah dan kadar kematian yang dilaporkan bagi tempoh yang sama untuk tahun 2015/ 2016 hingga 2018/ 2019 adalah seperti berikut :

- i) Bagi tahun 2015 – 2016, bilangan kematian adalah 47,923 iaitu 151.49 kematian bagi setiap 100,000 penduduk;
- ii) Bagi tahun 2016 – 2017, bilangan kematian adalah 43,764 iaitu 136.67 kematian bagi setiap 100,000 penduduk;
- iii) Bagi tahun 2017 – 2018, bilangan kematian adalah 47,077 iaitu 145.38 kematian bagi setiap 100,000 penduduk;
- iv) Bagi tahun 2018 – 2019, bilangan kematian adalah 50,995 iaitu 156.52 kematian bagi setiap 100,000 penduduk; dan
- v) Bagi tahun 2019 – Julai 2020, bilangan kematian adalah 36,687 iaitu 108.60 kematian bagi setiap 100,000 penduduk.

Sekian, terima kasih.